

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
FABER UNION SDN BHD
KUALA LUMPUR

OLEH

NORDIANA BINTI HAMID
Sarjana Muda Pengurusan
(Pengurusan Pemasaran)

Laporan Latihan Industri Diserah Kepada
Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

: 2689

PerDustakaan

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039361

LI 49 FPE 4 2005



1100039361

Laporan akhir latihan industri di Faber Union Sdn. Bhd, Kuala Lumpur / Nordiana Hamid.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEN

5
-9
PE
4
005

en-Rus & i

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
FABER UNION SDN.BHD
KUALA LUMPUR**

OLEH:

**NORDIANA BINTI HAMID
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)**

2005

1100039361

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
FABER UNION SDN.BHD
KUALA LUMPUR**

OLEH:

**NORDIANA BINTI HAMID
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)**

2005

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **Nordiana Binti Hamid UK7789** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : **NORDIANA BINTI HAMID**

Tarikh : _____

Disahkan oleh:

.....
(PROF. MADYA DR SAHARUDDIN BIN ABDUL HAMID)

Penyelia KUSTEM
B/p Penggerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM.



MAZNAH SALLEH
Lecturer
Department of Management & Marketing
Faculty of Management and Economics
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
KUSTEM

PEKARA	MUKASURAT
---------------	------------------

PENGHARGAAN	i
PRAKATA	ii
RINGKASAN EKSEKUTIF	iii
SENARAI SINGKATAN	iv
SENARAI GAMBAR RAJAH/ CARTA/ JADUAL	v

BAB 1 LATAR BELAKANG ORGANISASI / SYARIKAT

1.1 Pengenalan

1.1.1 Latarbelakang Organisasi	1
1.1.2 Lokasi pejabat	4
1.1.3 Matlamat	5
1.1.4 Objektif dan Polisi Kualiti	5
1.1.5 Kelebihan FUSB	6
1.1.6 Faktor kejayaan FUSB	7
1.1.7 Visi dan Misi	8
1.1.8 Logo	9

1.2 Struktur organisasi

1.2.1 Bilangan kakitangan	11
1.2.2 Carta organisasi	13

1.3	Aktiviti Organisasi dan bidang kuasa setiap unit	15
1.3.1	Unit pengurusan setiap organisasi	17
1.4	Kemahiran yang ingin dipelajari	19
1.4.1	Objektif Latihan Praktikum	21
1.4.2	Kepentingan Latihan Praktikum	22
1.4.3	Tempoh masa Latihan Industri	22
1.4.4	Bidang tugas Latihan Industri	22
1.4.5	Kekuatan	23
1.5	Maklumat Kewangan	
1.5.1	Faber Group Berhad (Profil Hartanah)	26
1.5.2	Penyata Pendapatan (Income Statement) FUSB	27

BAB 2: PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN

PENYELESAIAN

2.1	Sistem Pemasaran	
2.1.1	Mengesan Sistem Sedia Ada	28
2.1.2	Mengenalpasti Masalah	36
2.1.3	Cadangan Penyelesaian Masalah	37
2.1.4	Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	39

2.2 Proses Jualan	
2.2.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	40
2.2.2 Mengenalpasti Masalah	45
2.2.3 Cadangan Penyelesaian Masalah	47
2.2.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	50
2.3 Sistem Promosi	
2.3.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	51
2.3.2 Mengenalpasti Masalah	53
2.3.3 Cadangan Penyelesaian	53
2.3.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	54
PENUTUP	55
RUJUKAN	
LAMPIRAN	

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah S.W.T dengan limpah dan rahmat-Nya saya dapat mengikuti dan menyiapkan laporan ini. Dengan izin-Nya maka dapatlah saya menyiapkan Latihan Industri saya di sini selama 12 minggu.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada **Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)** dan semua urusetia KUSTEM kerana telah berusaha menguruskan dan sanggup menyediakan saya dalam menjalankan dan menjayakan segala keperluan yang sepatutnya selama tempoh latihan ini.

Ucapan terima kasih juga kepada pihak FUSB kerana menerima saya untuk menjalankan latihan praktikal di syarikat tersebut.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada penyelia industri saya iaitu **Ms Devika Rani Karuppiah** atas jasa dan sumbangan beliau dalam menjayakan Latihan Industri ini. Segala jasa beliau dan mereka yang terlibat tidak akan saya lupakan. Mereka yang terlibat iaitu;

- Ms Emily Chew (Gan Soh Beh)
- Pn. Noraini bt Abas
- En. Syahril bin Omar
- Ms Margaret Soosai
- Cik Sara bt. Mohd. Sharif
- Pn. Nik Shafini bt. Nik Mahzum
- Pn. Rohana Bt. Zakaria
- Pn. Zuzanna Bt. Musa
- Pn. Noraini Jaafar
- En. Maswafi bin Abu samad
- Ms. Lisa Ng Wai Feng

Pelajar Praktikal FUSB

Nordiana binti Hamid.

PRAKATA

Latihan Industri merupakan aspek yang penting dalam sesi pengajaran di Fakulti Pengurusan & Ekonomi di Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia (KUSTEM). Ia adalah satu kursus atau program yang diwujudkan khusus untuk mendedahkan pelatih dengan pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program yang diambil dalam tempoh 12 minggu. Iaitu yang bermula pada 21 Mac hingga 10 Jun 2005.

Melalui Latihan Industri ini, para pelajar akan ditempatkan di beberapa agensi sama ada awam atau swasta, pelatih akan diberi pendedahan kepada realiti sebenar alam pekerjaan dan juga berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung sesuatu bidang pekerjaan. Pelatih telah memilih organisasi Faber Union Sdn.Bhd di Kuala Lumpur iaitu syarikat yang menjalankan aktiviti jualan dan pemasaran dalam bidang pembangunan hartanah.

Oleh itu dalam tempoh 3 bulan menjalani Latihan Industri di organisasi tersebut, pelatih telah diberi tunjuk ajar bagaimana untuk melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Beberapa pendekatan telah dilakukan supaya segala tugas yang diberi dapat dilakukan dengan baik, antara pendekatan yang dijalankan ialah penyelia memberikan taklimat tentang tanggungjawab yang patut dilaksanakan dan pemantauan berterusan.

Daripada pelaksanaan tugas dan analisis oleh pelatih, pelatih dapat mengenalpasti beberapa sistem syarikat. Antaranya ialah sistem pemasaran, sistem jualan dan proses promosi. Pelatih telah cuba untuk mengenalpasti beberapa kekurangan yang mungkin wujud dalam organisasi dan memberikan beberapa cadangan penyelesaian yang mungkin boleh digunakan bagi menangani permasalahan yang timbul.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Faber Union Sdn.Bhd (FUSB) merupakan sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti pemasaran dan penjualan bangunan-bangunan yang telah dirancang dan yang telah ditentukan oleh pihak pengurusan atasan. FUSB ini adalah dibawah naungan Faber Development Holding Sdn.Bhd (FDHSB) iaitu sebuah syarikat pemaju yang menjalankan aktiviti pembangunan dan penjualan harta tanah dan aktiviti ini adalah menjadi perniagaan utama syarikat ini. Terdapat beberapa jenis bangunan yang telah dibina oleh pemaju ini seperti bangunan kediaman, apartmen, kondominium, dan bangunan komersial atau kedai.

Tumpuan utama pasaran ini ialah untuk mengeluarkan seberapa banyak bangunan-bangunan yang diperlukan mengikut citarasa semasa masyarakat di era ini. Manakala strateginya pula iaitu meningkatkan kualiti yang terbaik dalam setiap projek-projek pembinaan dan sentiasa peka kepada halatuju dan keperluan semasa masyarakat kini.

Pelatih juga akan menerangkan sistem yang sedia ada, mengenalpasti masalah yang terdapat dalam syarikat tersebut. Masalah-masalah yang dapat dikesan dalam sistem pengoperasian menyeluruh syarikat ini ialah dari segi proses pemasaran, proses promosi dan sistem jualan. Dengan itu, penemuan beberapa masalah yang berlaku dalam organisasi yang terbabit dan cadangan penyelesaian yang diambil boleh menjadi panduan dan mungkin dapat membantu organisasi. Dan untuk bab yang seterusnya merangkumi penutup yang menjelaskan lakaran pengharapan kepada pendekatan yang telah diambil oleh pelatih untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul.

Oleh yang demikian, penemuan beberapa masalah yang berlaku dalam organisasi terbabit dan cadangan penyelesaian yang telah diutarakan diharapkan dapatlah membantu syarikat untuk mengurangkan permasalahan yang timbul. Akhir kata, Latihan Industri yang telah dilaksanakan ini telah banyak memberikan pengalaman dan ilmu yang bermanfaat kepada pelatih.